Tasawwur Pendidikan Islam

ILH 206

NOTA C

Scanned by CamScanner

KOD : ILH 206 (C)

Tasawwur Pendidikan Islam - nota C

Objektif

Umum:

Menjelaskan kedudukan sistem pendidikan di Malaysia sejak zaman penjajahan. selepas merdeka hingga kini secara analisis kritikal.

Khusus:

Selepas peserta mengikuti seminar ini mereka dapat :

1. Memahami dan menyedari dengan jelas sejarah sistem pendidikan di Malaysia.
2. Menyedari betapa sistem pendidikan selepas merdeka masih mempunyai unsur-unsur penjajahan dan dualisme yang tidak menepati sepenuhnya kehendak Islam.
3. Memahami hakikat-hakikat / realiti serta cabaran dalam pendidikan semasa di Malaysia.

Scanned by CamScanner

SISTEM PENDIDIKAN DI MALAYSIA

Sistem Pendidikan Sebelum Kedatangan Inggeris

Sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu, sistem pendidikan di kalangan orang-orang Melayu adalah berlandaskan kepada pelajaran al-Qur'an. Kanak-kanak Melayu mempelajari al-Qur'an daripada imam di surau atau di masjid. Sebagai peringkat permulaan dalam sistem pembelajaran mereka.

Mereka mula belajar perkataan-perkataan Arab dan selepas sudah menguasainya, mereka terus mempelajari dan menghafaz huruf-huruf Arab. Untuk menjadi panduan membaca doa dan teks Arab. Biasanya mereka belajar tiga waktu sehari iaitu selepas sembahyang subuh, selepas sembahyang zohor dan selepas waktu maghrib. Pada masa lain murid menolong gurunya mengurus hal-hal rumah dan bekerja di kebun atau di sawah. Melalui kerja-kerja ini murid-murid secara tidak langsung belajar kemahiran-kemahiran yang dikehendaki dalam kehidupan mereka. Guru tidak menerima sebarang gaji daripada pengajarannya tetapi kebanyakan ibu bapa memberi sumbangan kepada guru tersebut sama ada beras serta keperluan-keperluan yang lain mengikut keikhlasan masing-masing.

Struktur sistem pendidikan tradisional bermula dari pendidikan keluarga di rumah dengan pengajian al-Qur'an dan mengenal huruf. Untuk pengajian yang lebih atas lagi anak-anak dihantar belajar ke rumah tok lebai yang khusus mengajar al-Qur'an dan hukum hakam, khususnya yang berkaitan dengan hukum-hukum fardhu `ain. Di peringkat yang lebih atas lagi, anak-anak mungkin akan meningkat lagi pengajian mereka di masjid, madrasah, surau atau rumah tok-tok guru tertentu. Di peringkat ini digunakan teks-teks dari kitab-kitab yang berkaitan dengan ilmu-ilmu seperti feqah, usuluddin, hadith, tafsir dan sebagainya. Peringkat ini boleh dikatakan sebagai peringkat pengajian umum yang biasanya terdapat di kampung-kampung. Ia dianggap memadai untuk amalan individu sehari-hari.

Corak pendidikan tradisi ini bukan hanya setakat pengajian al-Qur'an sahaja tetapi berkembang dari pengajian al-Qur'an kepada pengajian di pondok-pondok. Dalam konteks zaman tradisi pengajian pondok merupakan pengajian peringkat atas atau menengah di dalam hieraki sistem pengajian pada masa itu. Di peringkat ini pelajar-pelajar yang berkemampuan akan dihantar belajar ke pondok pengajian di bawah asuhan ulama'-ulama' tertentu yang terkenal dengan alimnya. Jika mereka berkelayakan dan berkemampuan akan dihantar menuntut di Mekah. Di sini pelajar-pelajar akan menuntut bertahun-tahun lamanya sebelum pulang ke tanah air. Mekah dianggap puncak pengajian tradisi.

Demikianlah kita dapati ramai dari kalangan ulama'-ulama' terkenal adalah lulusan pondok yang menyambung pelajaran mereka ke Mekah seperti Sheikh Abdul Malik bin Abdullah (Tok Pulau Manis) (1650-1736M), penulis kitab tasawwuf *Syarh al-Hikam*. Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani (1769-1847M) penulis kita *Minyyatu*

Scanned by CamScanner

al-Musalli. Syeikh Wan Ali Kotan (1837-1913M) di antara kitab karangannya ialah *Jauhar al-Mauhub* dan *Zahrah al-Murid*. Tok Kenali (Haji Awang Muhammad Yusuf bin Ahmad) (1868-1933M) serta lain-lain ulama' yang terkenal.

Sebenarnya kewujudan pengajian pondok sejak zaman kerajaan Pasai, Melaka dan Acheh terutamanya pada abad ke-17. Pengajian pondok kemudiannya menjadi pengajian yang popular di dalam masyarakat tradisi, terutama pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Negeri-negeri yang terkenal dengan corak pengajian tersebut ialah seperti Patani, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perak, Seberang Prai dan lain-lain.

Beberapa Keistimewaan Sistem Pengajian Pondok

a) Pengajian pondok diasaskan secara berdikari. Sifat berdikari ini meliputi penyediaan asas fizikal, tenaga pengajar dan kehidupan para pelajarnya.

b) Sesetengah konsep pengajarannya menyerupai cara pengajian tinggi di universiti seperti penyampaian kuliah, sistem muzakarah yang menggunakan pengajar (tutor)

c) Taburan waktu belajar tidak terhad tetapi meluas dari selepas subuh hingga malam. Biasanya pelajaran-pelajaran diadakan mengiringi sembahyang fardhu.

d) Ilmu pengajian pelajar-pelajar diintegrasikan ke dalam cara hidup masyarakat pondok yang kehidupannya bersifat keagamaan dan mudah pula kemudiannya diterima oleh masyarakat luar dalam konteks zaman tradisi dan diiktiraf sebagai intelek pada zamannya.

Sistem Pendidikan Semasa Penjajah

Struktur Sekolah (1786-1941) :

a) Sekolah Vernakular Melayu
b) Sekolah Vernakular Cina
c) Sekolah Inggeris

a) Sekolah Vernakular Melayu

Sekolah yang mula-mula ditubuhkan di Singapura iaitu di Telok Belanga dan Kampung Gelam. Diikuti negeri Pulau Pinang dan Melaka antara tahun 1858-1863. Peringkat awal ianya kurang mendapat sambutan dari ibu bapa. Mereka sangsi menghantar anak ke sekolah yang tidak mengajar agama Islam. Tetapi selepas A.M. Skinner, Pemangku Majistret di Seberang Prai mengambil alih, beliau mengubahsuaikan sistemnya dengan kelas al-Qur'an. Beliau mencadangkan pelajaran di sebelah pagi ditumpukan kepada pelajaran Bahasa Melayu manakala di sebelah

Scanned by CamScanner

petang diajar pengajian al-Qur'an. Elaun guru yang mengajar Bahasa Melayu dibayar oleh kerajaan manakala elaun guru yang mengajar kelas al-Qur'an dibayar oleh ibu bapa.

Sekolah vernakular perempuan Melayu pertama ialah di Telok Belanga, Singapura pada tahun 1884. Matapelajaran yang diajar ialah bacaan, karangan, ejaan, menulis, ilmu hisab, latihan jasmani dan ilmu alam.

b) Sekolah Vernakular Cina

Sekolah yang mula-mula dibina ialah di Melaka pada tahun 1815, di Singapura pada tahun 1819. Sistem pendidikan di sekolah ini lebih tertumpu kepada cara Cina klasik. Tetapi telah mengalami perubahan menjelang awal abad ke-20. Di antara mata pelajaran yang diajarkan ialah pelajaran klasik lama, sejarah, ilmu alam, sains, moral, bahasa, ilmu hisab, lukisan, nyanyian dan latihan jasmani. Kerajaan British pada masa itu bersikap liberal terhadap penubuhan sekolah Cina di Tanah Melayu. Segala usaha membina sekolah Cina ditanggung oleh orang-orang Cina sendiri. Mulai tahun 1901 kerajaan Manchu dari China mula memberi bantuan kewangan kepada pendidikan orang Cina di Tanah Melayu dengan harapan mendapat sokongan dan perasaan taat setia daripada mereka. Apabila Republik Rakyat China ditubuhkan pada tahun 1911, kerajaan China terus menyalurkan bantuan kewangan serta memberi bimbingan dan nasihat mengenai pentadbiran sekolah Cina di Tanah Melayu. Tujuannya untuk memperkenalkan ideologi Republik Rakyat China kepada orangorang Cina di Tanah Melayu. Pada tahun 1914 dan 1915, wakil-wakil kementerian pelajaran Negeri China dihantar ke Asia Tenggara untuk melawat sekolah-sekolah Cina. Ekoran dari lawatan itu sebuah sekolah Cina moden dibina di Nanking pada tahun 1918 supaya melatih guru untuk berkhidmat di sekolah Cina di seberang laut.

Dalam keadaan itu, sekolah vernakular Cina di Tanah Melayu terus berkembang dengan pesatnya. Menjelang tahun 1920, terdapat 313 buah sekolah Cina telah dibina di negeri-negeri selat dan 181 buah sekolah Cina di negeri bersekutu. Pada 4hb. Mei 1919, satu reformasi kebudayaan yang dikenali sebagai pergerakan 4hb. Mei berlaku di negeri China.

Reformasi itu kemudiannya membawa perubahan atas sistem pendidikan Cina di Tanah Melayu. Salah satu perubahan baru ialah sekolah-sekolah vernakular Cina mula menggunakan bahasa Mandarin yang telah menjadi bahasa pengantar rasmi di negeri China. Sebelum itu, bahasa pengantar Cina adalah berdasarkan kepada dialek-dialek seperti Kongfu, Teochew, Hokkien dan sebagainya.

Selain itu, buku teks juga ditulis semula dengan aspirasi menyatupadukan rakyat Cina yang menetap di luar negeri. Buku teks dihantar ke Tanah Melayu untuk menjadi bahan bacaan pelajar-pelajar sekolah Cina di Tanah Melayu. Penjajah British mula sedar bahawa sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu telah menjadi tempat untuk menyebarkan ideologi kerajaan China. Kadangkala menggunakannya sebagai tempat

Scanned by CamScanner

untuk menyebarkan semangat sentimen anti British. Kerajaan British meluluskan enakmen pendaftaran sekolah di Tanah Melayu pada tahun 1920 dengan tujuan mengawal aktiviti-aktiviti subversif di sekolah Cina. Antara kandungannya :-

i) Pengarah pelajaran mempunyai kuasa menutup sebarang sekolah yang tidak mengikut peraturan mengenai kurikulum pentadbiran dan keadaan kesihatan sekolah yang telah ditetapkan oleh pentadbir British.

ii) Semua guru dan pentadbirnya dikehendaki berdaftar dan di bawah penyeliaan pengarah pelajaran.

iii) Sekolah-sekolah Cina yang berdaftar di bawah Enakmen itu akan diberi bantuan kewangan oleh kerajaan British.

iv) Tahun 1929, akta ini ditambah lagi iaitu guru sekolah Cina hanya boleh dilantik daripada orang yang dilahirkan di Tanah Melayu.

v) Mengharamkan buku teks yang mengandungi unsur-unsur anti British.

Enakmen pendaftaran sekolah yang dikuatkuasa pada tahun 1922 tidak dapat menyekat perkembangan sekolah Cina. Misalnya tahun 1923, sekolah Chung Ling di Pulau Pinang mula menubuhkan sekolah menengah rendah. Begitu juga sekolah Confucius di Kuala Lumpur dan sekolah Chung Hua di Muar dan sekolah perempuan Kuen Cheng menubuhkan sekolah menengah masing-masing.

c) Sekolah Vernakular Tamil

Sekolah vernakular Tamil yang pertama ditubuhkan di Tanah Melayu bermula selepas penubuhan Penang Free School pada tahun 1816. Tahun 1850 Sekolah Anglo Tamil dibuka di Melaka yang mengajar bahasa Tamil dan bahasa Inggeris. Tetapi pada tahun 1860 ia ditutup kerana kurang sambutan. Di peringkat awal penubuhan sekolah Tamil kerajaan British tidak memberi bantuan kewangan tetapi ia ditubuhkan oleh badan-badan persendirian seperti Persatuan Mubaligh Kristian yang menubuhkan sekolah St. Xavier Malabar pada tahun 1865 di Singapura.

Awal abad ke 20, perkembangan ekonomi Tanah Melayu memerlukan tenaga buruh yang banyak di ladang-ladang dan estet getah. Untuk mendorong buruh-buruh India ke Tanah Melayu, kerajaan British mengubah polisinya pada tahun 1902 dengan memberi kemudahan bantuan pembinaan sekolah-sekolah Tamil di mana tempat yang dirasakan perlu. Pada tahun 1902 juga Kod Buruh dikuatkuasa di mana ia mewajibkan setiap ladang yang terdapat sepuluh orang kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan mewajibkan majikan mengadakan sekolah.

Scanned by CamScanner

Menjelang tahun 1920 jumlah murid yang belajar di sekolah Tamil di negeri Melayu Bersekutu ialah 4000 orang. Tahun 1930 terdapat empat jenis sekolah vernakular Tamil ditubuhkan di Tanah Melayu :

a) Sekolah yang dibiayai oleh kerajaan.
b) Sekolah yang dibiayai oleh majikan
c) Sekolah yang dibiayai oleh masyarakat India tempatan.
d) Sekolah yang dibiayai oleh Persatuan Mubaligh Kristian.

d) Sekolah Inggeris

Kebanyakan sekolah Inggeris yang didirikan pada peringkat awal adalah hasil dari usaha berbagai-bagai badan mubaligh Kristian yang datang ke Tanah Melayu. Misalnya pada tahun 1548 ditubuhkan di Melaka. Tahun 1815 Persatuan Mubaligh London mendirikan sekolah Inggeris pertama di Singapura. Tahun 1816 ditubuhkan Penang Free School di Pulau Pinang atas inisiatif R.S. Hutching iaitu ketua paderi bagi negeri-negeri Selat. Tahun 1894 ditubuhkan Victoria Institution di Kuala Lumpur. Tahun 1905 kerajaan Inggeris menubuhkan Malay College di Kuala Kangsar iaitu sekolah berasrama khusus untuk anak-anak Melayu kelas atasan.

Walaubagaimanapun tidak ramai anak Melayu yang berpeluang untuk belajar di sekolah Inggeris pada awal kurun ke 20 kerana kebanyakan sekolah-sekolah itu terletak di bandar-bandar. Penghujung tahun 1930-an barulah peluang untuk belajar di sekolah Inggeris dibuka kepada anak-anak Melayu melalui sistem Special Malay Class. Mengikut sistem ini pelajar-pelajar Melayu dalam darjah empat dipilih untuk masuk ke kelas tadi melalui satu peperiksaan. Mereka yang dipilih akan menduduki di Special Malay Class selama dua tahun sebelum ditempatkan di tahun empat sekolah Inggeris.

Objektif Pendidikan Di Zaman Penjajahan

Dasar pentadbiran British di Tanah Melayu ialah mengamalkan dasar pecah dan perintah di kalangan orang-orang Melayu dengan tujuan untuk mengekalkan kuasanya di Tanah Melayu. Pendidikan untuk orang-orang Melayu adalah setakat sekolah rendah sahaja. Tujuannya ialah supaya anak-anak Melayu hanya mampu tinggal di kampung-kampung dengan kehidupan tradisinya sebagai petani dan nelayan sahaja. Kerajaan British bimbang sekiranya orang-orang Melayu diberi pendidikan tinggi. mereka akan bangkit menuntut hak-hak mereka dari penjajah Inggeris.

Penjajah British juga bertujuan mewujudkan polarisasi kaum di mana setiap kaum di tempatkan mengikut fungsi ekonomi yang berlainan. Pada keseluruhannya mereka tidak ada perasaan kepentingan bersama. Orang-orang Melayu kebanyakannya tinggal di kampung-kampung, orang-orang India di ladang-ladang getah, manakala orang-orang Cina sebahagian besar dari mereka menguasai pusat-pusat bandar dan lombong-lombong yang menjadi ekonomi negara pada masa itu. Keadaan ini tidak

Scanned by CamScanner

dapat mewujudkan perasaan muhibbah di antara bangsa-bangsa yang ada di negara ini. Bahkan kadang-kadang menimbulkan prasangka perkauman di antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Keadaan ini telah menimbulkan masalah dari segi ekonomi, sosial dan politik Tanah Melayu setelah mencapai kemerdekaan. Akibat dari keadaan ini telah menimbulkan peristiwa rusuhan kaum pada 13hb. Mei 1969 yang merupakan sejarah hitam kepada negara Malaysia.

Sekolah Inggeris yang banyak ditaja oleh pertubuhan-pertubuhan gereja sistem pendidikannya lebih berorientasikan kepada barat Kristian. Ini telah menarik pelajar-pelajar kepada fahaman sekular. Misalnya penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar bertujuan untuk memberi pelajaran yang berorientasikan Barat kepada anak-anak golongan bangsawan Melayu supaya apabila tamat akan bertugas mentadbir negeri mengikut dasar-dasar sekular Barat.

Wujudnya Dualisma di peringkat pengajian rendah sehingga ke peringkat Universiti. Beberapa polisi pokok seperti yang berkaitan dengan perkembangan kurikulum latihan keguruan dan lain-lain masih mengekalkan tradisi penjajah. Sekolah-sekolah agama turut terlibat dengan polisi sekular. Kemasukan subjeksubjek apa yang disebut akademik akhirnya membezakan subjek agama dan bukan agama.

Sistem Pendidikan Selepas Merdeka Sehingga Kini

a) Sistem Pendidikan Di Awal Kemerdekaan

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, tugas utama ialah bagi menyatupadukan rakyat berbilang kaum supaya dapat membina sebuah negara yang aman dan maju.

Pemikiran dan tujuan sistem pendidikan di awal kemerdekaan adalah berlandaskan daripada usul-usul yang terkandung dalam laporan Razak 1956 dan laporan Rahman Talib 1960. Akta Pelajaran 1961 adalah berasaskan kepada penyata Razak dan laporan Rahman Talib. Di mana ianya menitikberatkan pendidikan untuk perpaduan negara dan penghasilan tenaga rakyat.

> *"Penyata Razak mencadangkan perpaduan dipupuk melalui menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar (perenggan 12, penyata Razak)".*

Dalam pendahuluan Akta 1961 ada menyatakan :-

"Bahawasanya dasar pelajaran seperti yang diisytiharkan dalam

Scanned by CamScanner

ordinan pelajaran 1957 ialah untuk menubuhkan satu sistem pelajaran yang akan dapat memenuhi keperluan negara dan menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politiknya".

Sebagai usaha ke arah perlaksanaan dasar pelajaran kebangsaan beberapa kumpulan guru matapelajaran khas dipilih untuk bertugas di Maktab Perguruan Bahasa dan Dewan Bahasa (kedua-duanya ditubuhkan di Kuala Lumpur pada tahun 1956) untuk menulis buku-buku teks serta mengkaji teknik mengajar Bahasa Melayu kepada orang-orang bukan Melayu. Di samping itu Maktab Perguruan Bahasa juga digunakan untuk melatih guru-guru khas bagi mengajar Bahasa Melayu sebagai matapelajaran utama di sekolah.

Pada tahun 1958, sekolah-sekolah menengah aliran Melayu telah dimulakan dengan mengadakan kelas-kelasnya di sekolah Inggeris kerajaan. Kelas aliran Melayu ini yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar tambahan tahun demi tahun. Pada tahun 1957, Kementerian Pelajaran berdasarkan Federal Gazatte Melayu, menetapkan jumlah masa yang mesti digunakan untuk mengajar Bahasa Kebangsaan di semua jenis sekolah dan sekolah menengah. Tujuan ini ialah untuk menjamin polisi pendidikan kebangsaan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pada tahun 1960 murid-murid daripada aliran Melayu, pertama kali mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dengan bahasa pengantarnya Bahasa Melayu. Mereka yang lulus kemudiannya meneruskan pelajaran di sekolah menengah atas dan mengambil peperiksaan Sijil Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1962.

Kesannya

Cadangan-cadangan yang terkandung dalam laporan Rahman Talib. Jika diteliti menunjukkan keazaman kerajaan untuk membentuk sistem pendidikan kebangsaan dengan tujuan memupuk semangat perpaduan di antara rakyak berbilang kaum.

Matlamat utama dalam perlaksanaan polisi pendidikan negara ialah untuk menjadikan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah, terutama di peringkat sekolah menengah dan pendidikan universiti. Tindakan-tindakan yang telah diambil seperti mewajibkan murid-murid lulus bahasa kebangsaan dalam peperiksaan awam dengan menggunakan bahasa rasmi sahaja dan memujuk sekolah menengah Cina supaya ditukarkan kepada sekolah menengah jenis kebangsaan dengan tawaran memberi bantuan penuh adalah langkah-langkah ke arah untuk mencapai matlamat tersebut.

Pendidikan percuma untuk semua murid dalam sekolah rendah jenis kebangsaan dalam aliran Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina. Apabila dasar pendidikan percuma dilaksanakan pada tahun 1962, bilangan murid yang masuk ke sekolah Rendah Jenis kebangsaan semakin bertambah manakala bilangan murid yang masuk sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) semakin berkurang terutama di sekolah-

Scanned by CamScanner

sekolah yang terletak di bandar. Ini adalah kerana ramai ibu bapa khasnya di bandar berpendapat bahawa pendidikan Inggeris boleh memberikan anak mereka peluang yang lebih cerah untuk mendapatkan kerja.

Kerajaan juga telah menetapkan semua peperiksaan awam untuk murid-murid sekolah menengah menggunakan bahasa rasmi iaitu Bahasa Melayu. Bagi murid-murid yang menggunakan Bahasa Cina atau Tamil sebagai bahasa pengantar sewaktu di sekolah rendah, mereka terpaksa menyesuaikan diri dengan menukarkan bahasa pengantar mereka apabila memasuki sekolah menengah. Sekolah-sekolah menengah yang tidak menggunakan bahasa rasmi sebagai bahasa pengantar tidak akan diberi sebarang bantuan kewangan oleh kerajaan. Cadangan menukar bahasa pengantar kepada bahasa rasmi ditentang oleh persatuan lembaga pengelola sekolah Cina dan persatuan guru-guru sekolah Cina, tetapi banyak sekolah menengah Cina pada ketika itu memilih cadangan menukarkan sekolah menengah mereka menjadi sekolah menengah jenis kebangsaan.

b) Sistem Pendidikan Kebangsaan Selepas 1969

Akibat daripada konflik perkauman yang berlaku pada 13hb. Mei 1969, kerajaan Malaysia terpaksa mengkaji semula matlamat-matlamat pendidikan negara dan seterusnya merancang suatu sistem pendidikan yang lebih sesuai dengan harapan yang boleh menyatupadukan rakyat berbilang kaum dan mengelakkan tragedi ini berulang lagi.

Hasil dari kajian, objektif-objektif dan strategi baru telah dikenalpasti. Ia dibentuk dalam rancangan Malaysia Kedua (1971-1975). Perpaduan negara menjadi matlamat yang penting dalam rancangan ini. Perpaduan negara hanya boleh dicapai dengan wujudnya perseimbangan yang lebih memuaskan antara kumpulan-kumpualn masyarakat dan kaum di Malaysia dalam penyertaan mereka di bidang pembangunan negara supaya bersama menikmati faedah-faedah dari pembangunan dan kemajuan negara.

Pembentukan Dasar Ekonomi Baru adalah untuk mencapai matlamat di atas. DEB ini memainkan dua peranan utama iaitu menyusun semula masyarakat dan mengurang serta membasmi kemiskinan. Untuk mencapai matlamat DEB yang menuju ke arah perpaduan negara, tiap-tiap rakyat Malaysia harus mengamalkan dalam kehidupan mereka kelima-lima prinsip Rukunegara, iaitu :-

a) Kepercayaan kepada Tuhan.
b) Kesetiaan kepada Raja dan Negara.
c) Keluhuran Perlembagaan.
d) Kedaulatan Undang-undang.
e) Kesopanan dan Kesusilaan.

Rancangan-rancangan pelajaran akan memberi sumbangan penting dalam proses menggalakkan perpaduan negara. Rancangan-rancangan ini juga memainkan

Scanned by CamScanner

peranan yang penting dalam kemajuan perbandaran kaum Bumiputera dengan menambahkan bilangan penyertaan mereka dalam kegiatan-kegiatan ekonomi moden di negara Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, rancangan pendidikan dan latihan ditumpukan kepada empat bidang utama, iaitu :-

i) Menyatukan sistem pelajaran bagi menggalakkan percantuman dan perpaduan negara.

ii) Menyesuai dan memperluaskan rancangan pelajaran dan latihan bagi mencapai keperluan-keperluan negara mengenai tenaga rakyat.

iii) Memperbaiki mutu pelajaran untuk membentuk satu masyarakat yang maju berasaskan kepada sains dan teknologi.

iv) Memperbaiki keupayaan untuk menjalankan penyelidikan, perancangan dan perlaksanaan bagi mencapai tujuan-tujuan yang tersebut di atas.

Usaha menuju kepada matlamat ini program sains paduan dan matematik moden diperkenalkan sebagai sukatan baru untuk membina satu masyarakat yang maju berasaskan kepada sains dan teknologi moden. Lebih banyak sekolah teknik dan vokasional ditubuhkan untuk melatih tenaga mahir yang akan memberi sumbangan dalam perlaksanaan dalam DEB. Peluang untuk belajar di institusi pengajian tinggi ditambah dengan penubuhan beberapa buah kolej dan universiti baru di bawah RMK kedua.

c) Sistem Pendidikan Selepas Laporan Jawatan Kuasa Kabinet 1979

Pada tahun 1974, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa kabinet yang ditugaskan untuk mengkaji perlaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan (DPK). Jawatankuasa itu mengkaji semula matlamat dan kesan sistem pelajaran termasuk kurikulumnya untuk mempastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi. Begitu juga untuk mempastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah pembentukan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan terlatih. Dalam kajian itu sistem persekolahan dan kurikulum telah diteliti oleh jawatankuasa secara mendalam.

Akibat laporan itu, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan kurikulum baru sekolah rendah (KBSR) pada tahun 1982 dan kurikulum bersepadu sekolah menengah (KBSM) dilaksanakan pada tahun 1988. Jawatankuasa Kabinet mengkaji perlaksanaan Dasar Pelajaran dalam laporan 1977 memperakukan supaya Kementerian Pelajaran mengambil langkah-langkah tertentu supaya pendidikan di peringkat rendah

Scanned by CamScanner

bercorak pendidikan asas dengan memberi penegasan kepada pendidikan dalam bidang 3M, iaitu membaca, menulis dan mengira (perakuan 2a) dan untuk mencapai matlamat pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh. Maka perubahan-perubahan dalam kurikulum dibuat berdasarkan kepada :-

> *'Kurikulum sekolah rendah itu hendaklah dirancang untuk membolehkan murid-murid mencapai kemahiran dalam tiga bidang asas, iaitu bidang komunikasi, bidang manusia dengan alam kelililng dan bidang perkembangan diri individu sesuai dengan keperluan, minat, bakat dan kemampuan mental serta kesediaan murid-murid'.*

Pembentukan KBSR berhubung rapat dengan cita-cita dan ideologi negara, iaitu mewujudkan perpaduan rakyat berbilang bangsa berpandu kepada rukun negara. Untuk mencapai matlamat ini kurikulum sekolah hendaklah mengandungi unsur-unsur aktiviti yang boleh membentuk keperibadian dan perwatakan murid ke arah perpaduan negara. Dalam hubungan ini kurikulum yang seragam melalui sukatan pelajaran yang sama, aktiviti ko-kurikulum yang sama dan menduduki peperiksaan awam yang sama untuk semua jenis sekolah.

Pembentukan KBSR pula mengambil kira falsafah pendidikan sekolah rendah yang menitikberatkan faktor kehendak individu. Mengikut falsafah pendidikan sekolah rendah ini, rancangan dan perlaksanaan KBSR sepatutnya berlandaskan kepada ideologi yang memberikan pendidikan secara menyeluruh supaya murid-murid mendapat perkembangan yang seimbang di dalam bidang intelek, rohani dan jasmani melalui program KBSR. Murid-murid akan dapat membaca, menulis dan mengira. Mereka akan memperolehi ilmu pengetahuan yang cukup sesuai dengan peringkat umur dan perkembangan diri mereka.mereka juga akan mempunyai akhlak yang mulia, mengamalkan nilai-nilai yang murni serta memelihara tubuh badan yang sihat. Melalui program KBSR juga segala minat dan bakat yang ada pada murid-murid dapat dipupuk dan dikembangkan.

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

Kurikulum bersepadu sekolah menengah yang mulai dilaksanakan secara sepenuhnya pada tahun 1989 dibentuk berasaskan beberapa faktor utama yang menitikberatkan kehendak individu, negara dan sejagat. Kandungan sukatan pelajaran KBSM meliputi aktiviti pembelajaran yang membolehkan pelajar-pelajar memperkembangkan potensi mereka secara menyeluruh dan seimbang. Aktiviti vokasional yang membolehkan mereka menyumbangkan tenaga untuk keperluan negara serta mata pelajaran bahasa asing, khasnya Bahasa Inggeris yang bertujuan untuk memenuhi kehendak sejagat. Oleh itu, pembentukan KBSM dipengaruhi oleh pertimbangan terhadap memberi kesempatan untuk membolehkan pelajar mengembangkan potensi diri, daya rasa, daya kreatif dan sikap positif.

Scanned by CamScanner

SINOPSIS

Sistem Pendidikan Di Malaysia

a) Sebelum Penjajahan
b) Di zaman Penjajahan
c) Selepas Merdeka
d) Pendidikan Semasa

a) Sistem Pendidikan Sebelum Penjajahan

Lebih tertumpu kepada pendidikan tradisional iaitu pendidikan al-Qur'an.



Haraki Sistem Pengajian Tradisi

1. Tujuan untuk melahirkan pelajar yang faham tentang tuntutan asas hukum-hukum fardhu `ain serta mengamalkannya dalam kehidupan harian mereka.
2. Melahirkan pelajar-pelajar berakhlak tinggi selaras dengan kehendak masyarakat.
3. Untuk melahirkan Ulama'-Ulama' yang berwibawa

b) Sistem Pendidikan Di Zaman Penjajahan

Dibentuk sistem pendidikan yang lebih tertumpu kepada bahasa Ibunda atau sistem persekolahan vernakular.

a) Sekolah vernakular Melayu
b) Sekolah vernakular Cina
c) Sekolah vernakular Tamil
d) Sekolah Inggeris

Scanned by CamScanner

Tujuan

1. Untuk mengekalkan kuasa penjajahannya, Inggeris mengamalkan polisi pecah dan perintah (*Divide and Rule*) dalam sistem pendidikan.

2. Untuk menyekat kesedaran berpolitik di kalangan orang Melayu sebagai kaum peribumi di Tanah Melayu.

3. Untuk menjadikan orang-orang India sebagai tenaga pekerja di ladang-ladang atau estet milik golongan penjajah.

4. Untuk melahirkan golongan elit Melayu yang bakal menjadi pentadbir di semua peringkat yang berorientasikan Barat.

5. Membiarkan masyarakat Cina terikat dengan semangat kenegerian mereka.

Institusi Pendidikan Tinggi

Sebelum perang dunia kedua, sistem sekolah Vernakular Melayu dan Tamil hanya berhenti di peringkat sekolah rendah sahaja. Tempat yang boleh pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ialah; Maktab Perguruan-SITC, Maktab di Durian Daun Melaka, Kolej Pertanian Serdang, Sekolah Vokasional.

Sistem pendidikan sekolah Cina dan sekolah Inggeris lebih maju. Sekolah Cina boleh sampai ke tingkatan enam. Mereka juga berpeluang melanjutkan pelajaran ke universiti di negeri China.

Sekolah Inggeris samapai ke peringkat menengah dan diploma. Peluang belajar bagi mereka lebih cerah, boleh disambung ke seberang laut, Kolej Pertanian, Kelas Queen Scholarship, Sekolah Teknik, Kolej Perubatan, Kolej Raffles.

Laporan-Laporan Pelajaran

1919 - Laporan Winsterd, memperbaiki mutu pendidikan Vernakular Melayu.
1950 - Laporan Barnes, satu perubahan besar ialah mengadakan hanya dua bahasa pengantar iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.
1951 - Laporan Fenn-Wa, memperbaiki mutu pendidikan Vernakular Cina.
1952 - Ordinan Pelajaran 1952, untuk mengkaji hasil apa yang terkandung di dalam laporan Barnes dan Fenn-Wa.
1956 - Laporan Razak
1960 - Laporan Rahman Talib, kedua-dua menekankan soal perpaduan negara dan tenaga rakyat.

Scanned by CamScanner

1961 - Akta Pelajaran Kebangsaan 1961, penekanan kepada aspek Pembangunan Negara. Penekanan kepada pendidikan Vokasional (kemahiran).

1969 - Dasar Pelajaran Kebangsaan, Rukun Negara.

1979 - Laporan Jawatan Kuasa Kabinet 1979, mengesyorkan tentang struktur persekolahan, peperiksaan, pentadbiran, sukatan pelajaran, buku teks, pendidikan sivik, pendidikan Agama, pendidikan moral, disiplin dan kegiatan ko-kurikulum dan kesannya, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan kurikulum baru sekolah rendah (KBSR) pada 1982 dan KBSM 1988.

Falsafah Pendidikan Dalam KBSR

Iaitu menitikberatkan faktor kehendak indivudu, dan mendapatkan perkembangan yang seimbang dalam bidang intelek, rohani dan jasmani. Melalui program KBSR, murid-murid akan dapat membaca, menulis dan mengira, memperdalami ilmu pengetahuan yang cukup, sesuai dengan peringkat umur dan perkembangan diri mereka, mempunyai akhlak mulia, mengamalkan nilai-nilai murni serta memelihara tubuh badan yang sihat. Melalui program KBSR juga, segala minat dan bakat yang ada pada murid-murid dipupuk dan dikembangkan.

Falsafah Pendidikan Dalam KBSM

Untuk membolehkan pelajar mengembangkan potensi diri, menuju ke arah kerohanian, pemikiran dan penaakulan, kesejahteraan diri, kemahiran hidup, rekreasi, daya rasa kreatif dan sikap positif.

Scanned by CamScanner